

**Komuniti 1Malaysia Dapat Bantu Jabatan Penerangan Perjelas Dasar Kerajaan  
Bernama  
9 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Pertubuhan sukarela Komuniti 1Malaysia (K1M) berupaya membantu Jabatan Penerangan menjelaskan kepada rakyat mengenai dasar-dasar, kempen dan usaha kerajaan bagi menjayakan gagasan 1Malaysia.

Pengarah Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Aziman Hasan berkata K1M telah banyak terlibat dalam membantu jabatan itu melaksanakan pelbagai aktiviti dan program yang melibatkan anggota masyarakat setempat.

"Saya berharap K1M ini dapat menyedarkan masyarakat betapa perlunya kerajaan yang ada pada hari ini dapat dipertahankan hingga ke generasi anak cucu dan sampai bila-bila," katanya dalam ucapan pada program Info 1Malaysia Kampung Malaysia Raya di sini Sabtu.

Sehubungan itu, beliau berharap anggota K1M terus berperanan sebagai mata dan telinga (kerajaan) serta penghubung antara masyarakat dan kerajaan agar dapat membina komuniti progresif, berintegriti, sejahtera serta bersatu padu.

Pada majlis itu, Aziman turut menyampaikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) 2.0 kepada 40 warga Bandar Tun Razak.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=927236>